

15/11/1998

Ramai mahu ikuti perbicaraan Anwar

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Seminggu lagi berlalu dalam kes perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini sudah pun mendapat gelaran 'Perbicaraan Abad Ini di Malaysia'.

Perbicaraan itu terus mendapat perhatian ramai. Ia ditangguhkan minggu ini sempena Persidangan Kemuncak Apec dan akan bersambung semula pada 23 November depan. Pemerhati kulit putih dari beberapa badan guaman luar negara sudah tidak lagi seramai minggu pertama lalu tetapi mereka kini diganti pemerhati tempatan.

Walaupun ruang mahkamah agak sempit, orang ramai diberi peluang mengikuti perbicaraan itu. Setiap hari bermula jam 6 pagi orang ramai mula beratur di kawasan yang disediakan untuk bertaruh nasib dipilih bagi mengikuti perbicaraan. Polis menyediakan kira-kira 20 tempat duduk kepada orang awam dan kuota ini akan ditambah jika bilangan wartawan yang membuat liputan itu berkurangan. Apabila ditanya, salah seorang daripada mereka menyatakan beliau ingin mengetahui sendiri perkembangan perbicaraan itu.

Pada pagi Isnin misalnya, barisan orang ramai yang menunggu untuk memasuki mahkamah memanjang sehingga lebih 60 orang. Mereka yang gagal mendapat tempat masih tidak berganjak meninggalkan barisan hingga ada yang menunggu selama lima jam. Demikianlah senario ini setiap hari sepanjang perjalanan kes itu. Tumpuan ramai terhadap kes ini tidak menghairankan.

Pendakwa melalui keterangan saksi-saksi cuba menunjukkan Anwar menggunakan kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri untuk mengarahkan polis mendapat surat penafian daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar berhubung dakwaan mereka terhadap salah laku seksualnya. Pendakwa juga telah mengemukakan dokumen mengaitkan salah laku seksual Anwar dengan Samsidar Taharin, isteri bekas setiausaha sulitnya, Mohd Azmin Ali.

Yang menjadikan kes ini lebih menarik, pendakwa sendiri menyerahkan laporan yang diminta oleh pembela berhubung hasil soal siasat Cawangan Khas (SB) ke atas surat perihal salah laku Anwar yang ditulis oleh Ummi Hafilda dan pengakuan Azizan yang diliwat oleh Anwar.

Pembela dalam menyoal balas saksi pertama pendakwa Datuk Mohamad Said Awang, bekas Pengarah Cawangan Khas berkali-kali mengatakan laporan itu penting untuk kes mereka. Pembela beranggapan laporan itu ada menyebut nama beberapa menteri, tokoh politik dan ahli korporat terbabit dalam konspirasi untuk menjatuhkan Anwar sekali gus memusnahkan kerjaya politiknya.

Tetapi laporan yang diminta itu walaupun mengandungi pengakuan tohmahan Ummi Hafilda dan Azizan itu palsu, tidak pula menyebut nama menteri, tokoh politik dan ahli korporat seperti yang diharapkan oleh peguam bela Anwar.

Pembela masih tidak puas hati. Mereka mendakwa ada laporan kedua bertarikh 3 September dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kata mereka, laporan kedua itu ada menyebut soal konspirasi dan pembabitian menteri dan tokoh-tokoh itu.

Malah pembela menggunakan isu konspirasi sebagai pembelaan mereka dan cuba mengemukakan soalan itu kepada Datuk Alias Ali pegawai di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab menyimpan rekod perkhidmatan Menteri Persekutuan. Tetapi cubaan mereka itu gagal. Hakim Datuk S Augustine Paul menolak hujah yang dianggapnya seperti satu ucapan politik dan mengarah pihak pembelaan berhenti daripada menimbulkan teori konspirasi kerana ia tidak ada kaitan dengan empat tuduhan terhadap Anwar.

Selain soal konspirasi, seperkara lagi yang menarik adalah arahan hakim melarang Anwar daripada membuat kenyataan berhubung perbicaraan kesnya dan kes Datuk S Nallakaruppan. Berikutan itu Anwar yang sebelumnya begitu ramah dengan wartawan terutama media asing tidak lagi melayan pertanyaan wartawan seperti yang telah dilakukannya sebelum itu.

Anwar sebelum itu menggunakan `kebebasan' yang diberikan oleh polis untuk berbual-bual dengan kaum keluarganya dan mengeluarkan pandangannya mengenai pelbagai perkara kepada wartawan. Kadang kala beliau membuat ulasan mengenai Perdana Menteri dan isu hal semasa. Beliau yang tidak dihalang oleh polis untuk mundar mandir dari tempat duduknya di kandang tertuduh tetapi berikutan arahan itu beliau agak berhati-hati ketika berbual dengan kaum keluarganya.

Anwar boleh dikatakan mendapat layanan `istimewa' daripada polis apabila beliau tidak pernah digari ketika dibawa ke mahkamah daripada Penjara Sungai Buloh ke Mahkamah Tinggi. Biasanya, tertuduh yang tidak mendapat ikat jamin akan digari ketika dibawa ke mahkamah dan tidak berpeluang untuk berbual dengan kaum keluarga atau wartawan.

Malah kaum keluarga Anwar juga diberi tempat duduk khas untuk mengikuti perbicaraan. Mereka diberi tempat duduk yang boleh memuatkan 20 orang yang belum pernah berlaku ketika sesuatu perbicaraan berlangsung. Mereka juga menggunakan kuota ini membawa masuk kenalan rapat Anwar yang gagal masuk menggunakan kuota orang awam.

Minggu kedua perbicaraan lebih menarik apabila beberapa saksi menceritakan kandungan surat Ummi Hafilda, cara SB menggunakan proses `turning over' dan neutralise untuk mendapat pengakuan serta masalah yang dihadapi untuk mendapat pengakuan itu.

DSP Abdul Aziz Hussain dari SB dalam keterangannya memberitahu mahkamah surat Ummi Hafilda yang dihantar kepada Perdana Menteri, yang menceritakan perihal salah laku Anwar berhubung kegiatan homoseksual dan hubungan sulit dengan isteri setiausaha sulitnya.

Beliau membaca surat itu selepas diminta oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Azahar Mohamed.

Abdul Aziz kemudian membaca surat itu yang menyatakan: "Anwar adalah seorang homoseksual melalui hubungan sejenisnya dan salah seorang daripada mangsa yang berani tampil ke hadapan adalah bekas pemandu beliau, Azizan Abu Bakar, yang kini menjadi pemandu Mohd Azmin Ali dan mempunyai hubungan sulit dengan Shamsidar Taharin iaitu isteri kepada setiausaha sulitnya sendiri, Mohd Azmin Ali."

Pada perbicaraan minggu lalu, Mahkamah Tinggi diberitahu mengenai siasatan SB berhubung `peranan' yang dimainkan beberapa personaliti berkaitan surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda dan pengakuan bersumpah Azizan berhubung salah laku seksual Anwar.

Perkara itu diberitahu oleh saksi pertama, Mohd Said dalam jawapan daripada soal balas yang dikemukakan peguam bela, Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela Anwar.

Mahkamah juga terkejut apabila seorang pegawai polis yang sedang memberi keterangan bertempik sambil menumbuk meja di hadapan kandang saksi.

Abdul Aziz, bertempik `Look Up' dan menumbuk meja di hadapannya ketika membuat demonstrasi bagaimana anggota SB menyoal `sasaran' dalam proses `mengubah pendirian.'

Semua orang yang berada dalam mahkamah termasuk Paul dan peguam bela Raja Aziz, yang mengetuai panel sembilan peguam Anwar, kelihatan terkejut dengan demonstrasi itu.

Ummi Hafilda penulis surat `Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri' dikatakan begitu tegas dengan pendiriannya bahawa Anwar ialah seorang homoseksual dan mempunyai hubungan sulit dengan kakak iparnya sehingga sukar bagi SB menukar pendiriannya.

Abdul Aziz memberitahu Mahkamah bahawa Ummi Hafilda ketika dalam tahanan SB pada 17 Ogos 1997 untuk mengubah pendiriannya bagi menarik balik dakwaan terhadap Anwar, kelihatan bertegas dengan pandangan asalnya itu.

Selain pendedahan kedegilan Ummi Hafilda, Mahkamah diberitahu, ada tujuh persamaan dalam surat `Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri' dan surat layang `Talkin untuk Anwar Ibrahim'.

Saksi ACP Mazlan Mohamad Din memberitahu surat layang `Talkin untuk Anwar Ibrahim' berbentuk gurindam. Beliau juga memberitahu mahkamah Azizan bersumpah dengan memegang Surah Yasin berhubung kebenaran pengakuan dia diliwat oleh Anwar.

Katanya, selepas sejam disoal siasat, Azizan dengan kedua tangannya memegang surah Yasin, bersumpah bahawa jika dia berbohong, dia akan dilaknati Allah.

Mahkamah juga mendengar keterangan Mazlan yang enggan mendedahkan sumber yang memberikannya surat `Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri'.

Mazlan berkata, beliau tidak boleh mendedahkan sumbernya itu kerana ia boleh menyebabkan indentiti sumber berkenaan boleh dikenal pasti.

Pembela akan menyanggah soal balas saksi berkenaan apabila mahkamah menyanggah perbicaraan pada 23 November ini.

(END)